



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum
SAINS TAMBAHAN
TINGKATAN 5 (SISIPAN)

TAHUN 2021

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dijajarkan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang dijajarkan.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD
Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

TEMA: TENAGA DAN KELESTARIAN HIDUP**Bidang Pembelajaran: S7.0 Daya dan Gerakan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
S7.1 Kuantiti Skalar dan Kuantiti Vektor	S7.1.1 Menerangkan dengan contoh maksud kuantiti skalar dan kuantiti vektor S7.1.2 Memerihalkan paduan dan leraian vektor S7.1.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan paduan dan leraian vektor.			2
S7.2 Daya	S7.2.1 Menjalankan eksperimen bagi mentahkikkan persamaan $F=ma$. S7.2.2 Memerihalkan keadaan kesimbangan daya. S7.2.3 Menyelesaikan masalah yang melibatkan paduan daya dalam kehidupan harian.			4
S7.3 Momentum	S7.3.1 Menerangkan momentum (p) sebagai hasil darab jisim (m) dan halaju (v), $p = mv$.			3

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
	S7.3.2 Berkommunikasi mengenai Prinsip Keabadian Momentum dalam satu dimensi bagi satu pelanggaran dan letupan.			
S7.4 Impuls	<p>S7.4.1 Menerangkan tentang daya impuls dan beberapa contoh situasi yang melibatkan daya impuls.</p> <p>S7.4.2 Memerihalkan impuls sebagai perubahan dalam momentum, iaitu :</p> $Ft = mv - mu$ <p>S7.4.3 Merumuskan daya impuls sebagai kadar perubahan momentum dalam perlenggaran atau letupan yang berlaku dalam masa yang singkat, iaitu:</p> $F = \frac{mv - mu}{t}$ <p>7.4.4 Menyelesaikan masalah yang melibatkan daya impuls.</p>		3	

TEMA: TENAGA DAN KELESTARIAN HIDUP**Bidang Pembelajaran: S8.0 Haba**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
S8.1 Keseimbangan Terma	S8.1.1 Menjelaskan dengan contoh mengenai keseimbangan terma. S8.1.2 Menerangkan aplikasi keseimbangan terma dalam kehidupan.			1
S8.2 Muatan Haba Tentu	S8.2.1 Memerihalkan muatan haba tentu. S8.2.2 Menjalankan eksperimen untuk menentukan muatan haba tentu cecair dan pepejal. S8.2.3 Berkomunikasi tentang aplikasi muatan haba tentu dalam kehidupan dan fenomena semula jadi.			2
S8.3 Haba Pendam Tentu	S8.3.1 Memerihalkan haba pendam pelakuran dan haba pendam pengewapan. S8.3.2 Menjalankan eksperimen untuk menentukan haba pendam tentu pelakuran ais.			4

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
	<p>S8.3.3 Menjalankan eksperimen untuk menentukan haba pendam tentu pengewapan air.</p> <p>S8.3.4 Membandingkan haba pendam tentu pelakuran dan haba pendam tentu pengewapan bagi satu bahan dari segi ikatan antara molekul.</p> <p>S8.3.5 Berkomunikasi tentang aplikasi haba pendam tentu dalam kehidupan harian.</p>			

TEMA: PENYENGGARAAN DAN KESINAMBUNGAN HIDUP**Bidang Pembelajaran: 1.0 Anatomi dan Fisiologi**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran				Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap		
1.1 Penghantaran impuls dalam sistem saraf	1.1.1 Menerangkan jenis, struktur dan fungsi neuron 1.1.2 Berkomunikasi mengenai proses penghantaran impuls merentasi neuron. 1.1.3 Memerihalkan kesan pestisid dan dadah terhadap fungsi saraf.		1.1.4 Berkomunikasi mengenai penyakit berkaitan saraf.		3
1.2 Pergerakan otot rangka dalam sistem musculoskeletal	1.2.1 Memerihalkan keperluan pergerakan dan sokongan pada manusia. 1.2.2 Mengenal pasti rangka paksi dan rangka apendaj pada sistem rangka manusia.		1.2.3 Mereka cipta model yang menerangkan tindakan dan fungsi otot, ligamen dan tendon semasa pergerakan anggota badan manusia.		10

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
	1.2.4 Menjalankan eksperimen untuk menguji kekuatan tulang. 1.2.5 Menjalankan eksperimen untuk mengkaji perkaitan antara komposisi kalsium dengan ketumpatan tulang.	1.2.6 Berkomunikasi mengenai penyakit berkaitan sistem musculoskeletal.		
1.3 Mekanisme pembekuan darah dalam sistem peredaran darah	1.3.1 Menerangkan mekanisme pembekuan darah. 1.3.2 Menghubungkaitkan pembekuan darah dengan kesihatan.			2
1.4 Penghasilan urin dalam sistem urinari	1.4.1 Menerangkan struktur dan fungsi sistem urinari.	1.4.2 Berkomunikasi mengenai penyakit berkaitan sistem urinari.		2

TEMA: PENEROKAAN UNSUR DALAM ALAM**Bidang Pembelajaran: 2.0 Garam**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
2.1 Garam	2.1.2 Memerihalkan proses penyediaan garam terlarut dan garam tak terlarut. 2.1.3 Menjalankan eksperimen untuk membezakan keterlarutan garam nitrat, sulfat, karbonat dan klorida dalam air. 2.1.4 Menerangkan kepentingan proses penulenan garam terlarut. 2.1.5 Menyelesaikan masalah kuantitatif dalam tindak balas stoikiometri.	2.1.1 Menjelaskan melalui contoh maksud garam dan kegunaannya dalam kehidupan harian.		8
2.2 Analisis kualitatif garam	2.2.1 Memerihalkan maksud analisis kualitatif.			6

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
	2.2.2 Membuat inferens tentang garam berdasarkan warna dan keterlarutan dalam air. 2.2.3 Menentukan ujian untuk mengenal pasti gas 2.2.4 Memerihalkan tindakan haba ke atas garam 2.2.5 Mengenal pasti ujian bagi anion dan kation. 2.2.6 Merancang analisis kualitatif untuk mengenal pasti garam.			

TEMA: PENEROKAAN UNSUR DALAM ALAM**Bidang Pembelajaran: 3.0 Sebatian Karbon dalam Kehidupan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
3.1 Teknologi hijau dan pengurusan minyak sawit terpakai	3.1.1 Membandingbeza ciri minyak sawit dan minyak sawit terpakai. 3.1.2 Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kerosakan minyak sawit. 3.1.3 Mewajarkan keperluan untuk memproses minyak sawit terpakai. 3.1.4 Mencerakinkan minyak sawit terpakai bagi menghasilkan biodiesel dan gliserol. 3.1.5 Menghuraikan kegunaan hasil sampingan iaitu gliserol. 3.1.6 Mewajarkan penggunaan teknologi hijau dalam mengurus minyak sawit terpakai.			6

TEMA: PENEROKAAN UNSUR DALAM ALAM**Bidang Pembelajaran: 4.0 Tenaga dan Perubahan Kimia**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
4.1 Tenaga cahaya dalam tindak balas kimia	4.1.1 Menjelaskan dengan contoh tindak balas kimia yang memerlukan cahaya. 4.1.2 Berkommunikasi mengenai kesan cahaya bagi menghasilkan tindak balas kimia.			2
4.2 Tenaga haba dalam tindak balas kimia	4.2.1 Memerihalkan perubahan haba dalam tindak balas kimia. 4.2.2 Menentukan haba penyesaran dalam tindak balas kimia.			2
4.3 Tenaga elektrik dalam tindak balas kimia.	4.3.1 Memerihalkan perubahan tenaga dalam sel elektrolitik dan sel kimia. 4.3.2 Menjelaskan dengan contoh persamaan setengah bagi tindak balas yang berlaku dalam sel elektrolitik dan sel kimia.			3

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
		4.3.3 Berkomunikasi mengenai aplikasi sel elektrolitik dalam industri.		

TEMA: PENEROKAAN UNSUR DALAM ALAM**Bidang Pembelajaran: 5.0 Kimia Bahan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
5.1 Bahan termaju	5.1.2 Berkomunikasi mengenai polimer dan kopolimer. 5.1.3 Mewajarkan keperluan bahan komposit. 5.1.4 Menjelaskan dengan contoh kegunaan superkonduktor. 5.1.5 Memerihalkan aplikasi tiub nano karbon. 5.1.6 Mewajarkan penggunaan bahan termaju dalam kehidupan harian.	5.1.1 Menjana idea pengurusan yang lestari dan kepentingannya dalam industri kelapa sawit. 5.1.7 Berkomunikasi mengenai sisa elektronik.		6

TEMA: TENAGA DAN KELESTARIAN HIDUP**Bidang Pembelajaran: 6.0 Gelombang**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
6.1 Penghasilan gelombang	6.1.1 Menerangkan penghasilan gelombang. 6.1.2 Mendefinisikan serta memberi contoh gelombang melintang dan gelombang membujur. 6.1.3 Berkomunikasi mengenai ciri gelombang. 6.1.4 Menjalankan eksperimen untuk menentukan hubungan antara frekuensi dan panjang gelombang. 6.1.5 Menerangkan pelembapan dalam sistem ayunan. 6.1.6 Berkomunikasi mengenai contoh pelembapan sistem ayunan dalam kehidupan harian.			8
6.2 Resonans	6.2.1 Menerangkan resonans dalam sistem ayunan. 6.2.2 Berkomunikasi mengenai aplikasi resonans dalam kehidupan harian.			2

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
6.3 Sifat gelombang	6.3.1 Menerangkan sifat gelombang. 6.3.2 Berkomunikasi tentang aplikasi sifat gelombang dalam kehidupan harian.			2
6.4 Gelombang mekanik dan gelombang elektromagnet	6.4.1 Menjelaskan dengan contoh gelombang mekanik dan gelombang elektromagnet. 6.4.2 Membezakan gelombang mekanik dan gelombang elektromagnet. 6.4.3 Menentukan kedudukan pelbagai jenis isyarat dalam spektrum gelombang elektromagnet			3

TEMA: TENAGA DAN KELESTARIAN HIDUP**Bidang Pembelajaran: 7.0 Elektrik**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
7.1 Arus elektrik dan beza keupayaan	7.1.2 Menerangkan beza keupayaan. 7.1.3 Menyelesaikan masalah numerical yang melibatkan arus elektrik dan beza keupayaan.	7.1.1 Mendefinisikan arus elektrik.		3
7.2 Rintangan elektrik	7.2.1 Menjalankan eksperimen mengkaji hubungan antara arus dengan beza keupayaan konduktor. 7.2.2 Membezakan ciri konduktor ohm dan konduktor bukan ohm. 7.2.3 Menjalankan eksperimen mengkaji faktor yang mempengaruhi rintangan konduktor. 7.2.4 Mewajarkan pemilihan bahan berintangan tinggi sebagai elemen pemanas.			8

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
7.3 Tenaga elektrik dan kuasa elektrik	7.3.1 Menghubungkaitkan tenaga elektrik (E), beza keupayaan (V), arus (I) dan masa (t) 7.3.2 Menghubungkaitkan kuasa (P), beza keupayaan (V) dan arus (I). 7.3.3 Menentukan nilai fius yang sesuai bagi peralatan elektrik dalam kehidupan harian.			3

TEMA: PENEROKAAN BUMI DAN ANGKASA LEPAS**Bidang Pembelajaran: 8.0 Oseanografi**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
8.1 Lautan	8.1.4 Menerangkan dengan lakaran visual struktur lantai lautan. 8.1.5 Menghubungkaitkan teori hanyutan benua dan plat tektonik kepada evolusi lantai lautan.	8.1.1 Menerangkan sejarah awal dan tujuan penerokaan lautan. 8.1.2 Mengenal pasti lautan utama dalam peta dunia. 8.1.3 Mengenal pasti laut utama di Asia Tenggara.		4
8.2 Pemetaan lantai lautan	8.2.1 Menerangkan bagaimana pemetaan lantai lautan dilakukan. 8.2.2 Berkommunikasi mengenai kepentingan pemetaan lantai lautan.			1

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
8.3 Sifat fizik air laut	8.3.1 Menentukan sifat fizik air laut. 8.3.2 Memerihalkan profil suhu air laut. 8.3.3 Memerihalkan faktor yang mempengaruhi saliniti air laut. 8.3.4 Menghubungkaitkan kesan transparensi air laut dengan taburan organisma akuatik. 8.3.5 Menjelaskan kesan perbezaan tekanan dan ketumpatan air laut terhadap organism akuatik.			2
8.4 Biologi laut	8.4.1 Menjelaskan dengan contoh bagaimana organism laut dikelaskan. 8.4.2 Berkomunikasi mengenai interaksi dinamik dalam ekosistem terumbu karang.			1
8.5 Edaran air laut	8.5.1 Berkomunikasi mengenai bentuk edaran air laut.			1

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
	8.5.2 Mewajarkan fenomena ‘upwelling’ yang mempengaruhi taburan organisma akuatik.			
8.6 Sumber laut	8.6.1 Mengenal pasti jenis makanan yang diperoleh daripada persekitaran laut. 8.6.2 Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kebergantungan sesebuah negara kepada laut untuk sumber makanan. 8.6.3 Menerangkan dengan contoh kepentingan ekonomi hasil dari laut dan isu yang berkaitan. 8.6.4 Mewajarkan peranan akuakultur dalam memenuhi permintaan terhadap keperluan makanan laut dunia.			2
8.7 Isu dan cabaran berkaitan lautan		8.7.1 Berkomunikasi mengenai isu berkaitan ekosistem marin.		4

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran			Peruntukan Masa
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap	
	<p>8.7.2 Mereka cipta produk untuk menyelesaikan masalah/isu berkaitan lautan.</p>	<p>8.7.3 Memerihalkan kerjaya dalam oseanologi.</p> <p>8.7.4 Meramal dan menganalogikan situasi hipotetikal apabila manusia boleh hidup dalam lautan</p>		

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917